

## BAB VI

# Peranan Sektor Swasta

### I.—PENDAHULUAN

244. Malaysia telah lama mempunyaï sektor swasta yang luas dan dinamis dan perkembangan sektor ini sememangnya di-galakkan. Hampir kesemua kegiatan<sup>2</sup> dalam perusahaan pembuatan, perlombongan dan perdagangan luar negeri serta sa-jumlah besar dari kegiatan<sup>2</sup> pertanian telah di-jalankan oleh sektor swasta. Dasar<sup>2</sup> Kerajaan telah menggalakkan perkembangan sektor ini melalui berbagai<sup>2</sup> dorongan. Kawalan<sup>2</sup> sechara langsung ka-atas pengeluaran, perdagangan dan kewangan swasta jarang<sup>2</sup> di-kuatkuaskan. Pelaboran swasta, dalam dan luar negeri, telah di-galakkan dengan sepenuhnya.

245. Dasar yang bebas ini telah menghasilkan keuntongan besar kapada ekonomi Malaysia. Dalam tahun<sup>2</sup> enam-pulohan, pelaboran swasta berjumlah \$8,440 juta dan ini merupakan 60 hingga 70% daripada jumlah pelaboran. Dalam tahun<sup>2</sup> yang akhir ini antara 65% hingga 75% daripada jumlah tabongan berpuncha dari sektor swasta. Faktor<sup>2</sup> ini menunjukkan bahawa kejayaan Ranchangan Malaysia Kedua bergantong kuat kapada kegiatan<sup>2</sup> sektor swasta.

246. Faktor yang menentukan perubahan sektor swasta ia-lah keputusan yang di-ambil berkaitan dengan pelaboran. Terchapai-nya tujuan<sup>2</sup> guna-tenaga dan pembahagian dan juga matlamat keluaran negara bergantong kapada jumlah dan jenis pelaboran swasta, ia-itu dari segi tempat, teknik yang di-gunakan, kawalan dan hak milik pelaboran. Sharat<sup>2</sup> ini dapat di-gunakan untuk pelaboran<sup>2</sup> dalam dan luar negeri.

## II.—KEGIATAN SEKTOR SWASTA DALAM TAHUN<sup>2</sup> ENAM-PULOHAN

247. Jadual 6-1 menunjukkan keadaan pelaboran dalam sektor swasta bagi tahun<sup>2</sup> enam-pulohan di-Malaysia Barat. Kemajuan<sup>2</sup> besar yang di-capai ada-lah saperti berikut:

- (i) *Jumlah pelaboran swasta* bertambah hampir<sup>2</sup> samarata sehingga tahun 1967, apabila terdapat beberapa kelemahan sehingga tahun 1969. Dalam tahun 1970, pelaboran swasta meningkat sa-mula sa-banyak lebeh 30% daripada jumlah yang terdapat dalam tahun 1969.
- (ii) *Pelaboran tetap* juga mempunyaï chorak perkembangan yang sama sunggoh pun kelemahan dalam tahun<sup>2</sup> 1967-69 ada-lah kurang jelas dan kemerosotan dalam tahun 1969 tidak berapa berkesan. Tambahan dalam tahun 1970 juga tidak begitu mengagumkan dibanding dengan tambahan dalam jumlah pelaboran. Sunggoh pun demikian, tambahan<sup>2</sup> ini telah mempunyaï kesan yang baik.
- (iii) *Pelaboran dalam tanaman<sup>2</sup> jenis kekal* bertambah sehingga tahun 1963, kemudian merosot sedikit dan selepas tahun 1967 terdapat kemerosotan yang sangat berkesan. Pelaboran jenis ini, yang ber-jumlah lebeh 40% dari jumlah pelaboran swasta dalam tahun 1963, tidak turut bertambah saperti jenis<sup>2</sup> pelaboran lain dalam tahun 1970.
- (iv) *Pelaboran dalam pembinaan dan alat<sup>2</sup>* mempunyaï chorak perkembangan yang berlainan sedikit. Dalam awal tahun<sup>2</sup> enam-pulohan kelemahan ada-lah sangat jelas. Pelaboran jenis ini merosot dalam tahun 1961 dan 1962 dan hanya mula meningkat naik dengan chepatnya pada awal Ranchangan Malaysia Pertama. Bukti<sup>2</sup> adanya kelemahan dalam tahun 1969 tidak begitu jelas dan dalam tahun 1970 pelaboran jenis ini menchapai peringkat yang paling tinggi.
- (v) Dalam lima tahun pertama tahun<sup>2</sup> enam-pulohan, *pelaboran dalam sektor<sup>2</sup> tradisi* mengambil tempat yang utama. Ini termasuklah tanaman<sup>2</sup> jenis kekal dan perusahaan<sup>2</sup> perlombongan. Harga getah yang tinggi dan juga beneh<sup>2</sup> getah yang baharu telah menggalakkan penanaman sa-mula dan penanaman baharu di-ladang<sup>2</sup>. Hampir 450 buah lombong<sup>2</sup> bijeh timah baharu telah di-buka dalam tahun<sup>2</sup> 1961-65. Selepas tempoh itu, pelaboran jenis ini menjadi kurang penting dan pelaboran mula beraleh kapada lapangan<sup>2</sup> lain.

*Terutama sekali, pelaboran swasta dalam perusahaan pembuatan telah menjadi bertambah penting dari masa lima tahun yang pertama dalam tahun<sup>2</sup> enam-pulohan.*

JADUAL 6-1

PELABORAN SWASTA, MALAYSIA BARAT, 1960-70  
(\$ juta)

<i>Tahun</i>		<i>Jumlah pelaboran swasta</i>	<i>Perubahan setok</i>	<i>Pelaboran tetap*</i>	<i>Tanaman<sup>2</sup> kekal</i>	<i>Pembinaan dan alat<sup>2</sup></i>
		(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
1960	..	..	499	25	474	163
1961	..	..	465	-1	466	188
1962	..	..	540	57	483	210
1963	..	..	544	-15	559	220
1964	..	..	586	-14	600	208
1965	..	..	621	6	615	201
1966	..	..	717	38	679	202
1967	..	..	813	119	694	207
1968	..	..	815	50	765	167
1969	..	..	753	—	753	155
1970	..	..	985	90	895	146
<i>1966-70:</i>						
Jumlah terkumpul	..	4,083	297	3,786	877	2,909
Kadar tambahan purata tahunan (%)	..	..	9.7	—	7.8	-6.2
						12.6

Tambahan jumlah pelaboran yang begitu banyak dalam tahun 1970 menunjukkan sektor swasta mempunyaï penoh keyakinan tentang masa hadapan. Matlamat<sup>2</sup> pelaboran swasta dalam Ranchangan telah di-bentuk berdasarkan perkembangan<sup>2</sup> yang terdapat dalam lima tahun kedua tahun<sup>2</sup> enam-pulohan.

248. Perkembangan pesat dalam pelaboran pembinaan, jentera dan alat<sup>2</sup> dalam lima tahun kedua tahun<sup>2</sup> enam-pulohan telah di-chapai, tetapi maseh tidak menchukopi bagi menampong kekurangan yang di-dapati dalam pelaboran tanaman kekal melainkan dalam tahun 1970. Ada pun sebab

\* Pelaboran tetap (Ruang 3) mengandungi pelaboran bagi tanaman<sup>2</sup> kekal (Ruang 4) serta pelaboran bagi pembinaan dan alat<sup>2</sup> (Ruang 5).

pelaboran swasta tidak bertambah dengan cepatnya dalam tahun<sup>2</sup> 1965-69 ia-lah kekurangan permintaan dan bukan kesulitan<sup>2</sup> penawaran. Empat faktor penting yang menyebabkan kekurangan dalam permintaan pelaboran ia-lah :

- (i) Sektor<sup>2</sup> penting dalam ekonomi, terutama sekali sektor pertanian, tidak berkembang dengan pesat dan oleh itu tidak perlu sangat menambah lagi daya pengeluaran untuk memenuhi permintaan dalam negeri.
- (ii) Jumlah pelaboran dalam kegiatan<sup>2</sup> yang berchorak ekspot maseh sedikit jika di-bandangkan dengan pelaboran<sup>2</sup> dalam kegiatan<sup>2</sup> lain. Ini ada-lah di-sebabkan perusahaan<sup>2</sup> baharu yang ingin menjalankan perniagaan ekspot terpaksa menghadapi beberapa kesulitan yang biasa-nya tidak di-dapati jika jualan hanya untuk pasaran dalam negeri. Oleh itu sudah tentu-lah terdapat jarak masa yang lama antara permulaan pengeluaran dan ekspot yang chukop besar.
- (iii) Susunan<sup>2</sup> institusi dan organisasi telah tidak di-giatkan bagi memudahkan pelaboran dalam kegiatan<sup>2</sup> baharu. Keadaan ini terdapat dalam aliran kewangan, jenis<sup>2</sup> kemahiran yang ada dan ranchangan<sup>2</sup> pengusaha yang kesemua-nya mempunyaï kesan keatas pelaboran.
- (iv) Dasar<sup>2</sup> belanjawan dan kewangan Kerajaan dan chara<sup>2</sup> melaksanakan-nya telah tidak berjaya menambah jumlah pelaboran swasta sa-kadar yang chukop untuk menampung kemundoran besar yang terdapat dalam perkembangan permintaan sektor swasta.

249. Jadual 6-2 menunjukkan jumlah pelaboran swasta di-Malaysia Timor dan di-Malaysia. Pechahan mengikut kumpulan<sup>2</sup> tertentu tidak dapat di-adakan di-sini. Pada umum-nya, keadaan di-Malaysia Timor ada-lah sama seperti di-Malaysia Barat. Kelemahan besar terdapat dalam tahun<sup>2</sup> 1968-69. Kenaikan dalam tahun 1970 ada-lah lebih 40% dari jumlah bagi tahun 1969, dan ini menjadikan kadar purata kenaikan bagi tiap<sup>2</sup> tahun dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama sa-banyak 9.4%. Bagi seluroh negara kenaikan yang besar yang berlaku dalam tahun 1970 menjadikan jumlah kenaikan sa-banyak 9.6% sa-tahun bagi tempoh Ranchangan Malaysia Pertama, berbanding dengan kenaikan sa-banyak 4.5% dalam empat tahun yang pertama tempoh tersebut.

JADUAL 6-2

PELABORAN SWASTA, MALAYSIA TIMOR DAN MALAYSIA,  
1960-70  
(\$ juta)

			<i>Malaysia Timor</i>		<i>Malaysia</i>
1960*	..	..	110	..	609
1961*	..	..	108	..	573
1962*	..	..	102	..	642
1963*	..	..	123	..	667
1964	..	..	140	..	726
1965	..	..	160	..	781
1966	..	..	187	..	904
1967	..	..	190	..	1,003
1968	..	..	163	..	978
1969	..	..	177	..	930
1970	..	..	251	..	1,236
<i>1966-70:</i>					
Jumlah terkumpul	..	..	968	..	5,051
Kadar tambahan purata tahunan (%)			9.4	..	9.6

**III.—PELABORAN SWASTA DALAM RANCHANGAN MALAYSIA KEDUA**

250. Perkembangan saperti yang di-bicharakan dalam cheraian di atas menunjukkan bahawa pelaboran swasta di-akhir tahun<sup>2</sup> enam-pulohan telah beraleh dari kegiatan lama kepada kegiatan<sup>2</sup> baharu. Dan lagi, selain dari pemulehan yang terdapat dalam tahun 1970, pelaboran swasta pada keselurohan-nya tidak berubah. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua tujuan dasar harus-lah di-tumpukan kepada:

- (i) menentukan bahawa tambahan dalam pelaboran swasta pada keselurohan-nya ada-lah menchukopi bagi menchapai matlamat<sup>2</sup> keluaran dan gunatenaga;
- (ii) menentukan bahawa pelaboran swasta ini akan memberi sumbangan yang besar terhadap tujuan<sup>2</sup> utama Ranchangan. Khusus-nya, tujuan<sup>2</sup> itu harus-lah menentukan supaya (a) kemajuan besar di-chapai bagi meluaskan hak milek dan penguasaan orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra<sup>2</sup> yang lain ka-atas kegiatan<sup>2</sup> dalam sektor moden; (b) kesemua kawasan<sup>2</sup> di-Malaysia menerima faedah dari perkembangan pelaboran; (c) penyaloran pelaboran ka-dalam kegiatan<sup>2</sup>

\* Persekutuan Malaysia telah di-tubohkan pada bulan September, 1963.

baharu di-percheptakan; (d) perusahaan<sup>2</sup> baharu dapat bertanding di-pasaran dunia; dan (e) jumlah keluaran<sup>2</sup> tradisi di-tambahkan lagi dan mutu-nya di-pertinggikan.

251. Pelaboran di-sifatkan sebagai harta persendirian apabila harta<sup>2</sup> yang terkumpul di-punyaï oleh swasta, walau pun pembiayaan-nya di-lakukan oleh sektor awam. Kerajaan akan membiayaï, samaada sechara langsung atau tidak, sa-bahagian besar dari pelaboran yang di-mileki dan di-jalankan oleh swasta.

252. Jadual 6-6 menunjukkan matlamat<sup>2</sup> bagi pelaboran swasta di-Malaysia dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Jumlah pelaboran swasta di-jangka bertambah 8.8% sa-tahun dan berjumlah \$7,843 juta dalam tempoh Ranchangan ini.

#### 1. MATLAMAT<sup>2</sup> PELABORAN SWASTA DI-MALAYSIA BARAT

253. Jadual 6-3 menunjukkan matlamat<sup>2</sup> pelaboran di-Malaysia Barat. Yang paling menarek sekali ia-lah pelaboran<sup>2</sup> dalam tanaman<sup>2</sup> jenis kekal, terutama getah dan kelapa sawit, yang akan meningkat naik berbanding dengan kemerosotan yang di-dapati dalam tahun<sup>2</sup> 1964-70. Bagi menchapai matlamat ini, Ranchangan kemajuan tanah hendak-lah di-lancharkan sechara besar<sup>2</sup>an. Butir<sup>2</sup> lanjut tentang ranchangan<sup>2</sup> ini di-terangkan dalam Bab IX. Sa-bahagian besar dari ranchangan kemajuan tanah ini di-selenggarakan dan di-biayaï oleh Kerajaan, terutama sekali menerusi LKTP. Sa-bahagian besar dari kawasan<sup>2</sup> tanah yang di-majukan oleh badan<sup>2</sup> Kerajaan akan di-usahakan dan akhir-nya di-mileki oleh keluarga<sup>2</sup> dalam sektor swasta. Dalam tempoh lima tahun ini pelaboran dalam tanaman<sup>2</sup> jenis kekal berjumlah \$1,069 juta.

254. Pelaboran swasta dalam *pembinaan perumahan* (saperti terdapat dalam ruangan 5, Jadual 6-3) di-jangka bertambah lebeh chepat. Pendapatan yang lebeh tinggi dalam tempoh ini di-jangka akan menambahkan lagi permintaan bagi memileki rumah. Kerajaan akan memainkan peranan yang chergas dalam membina rumah<sup>2</sup> dan juga menggalakkan penubohan satu sistem chagaran yang berkesan supaya mudahtunai yang terdapat dalam ekonomi dapat di-gunakan sepenuhnya. Tindakan melancharkan satu kumpulan wang pusingan bagi memudahkan pekerja<sup>2</sup> meminjam untok mendirikan atau membeli rumah<sup>2</sup> akan menggalakkan pembinaan perumahan. Ranchangan<sup>2</sup> LKTP termasuk pembinaan 24,300 buah rumah. PKEN<sup>2</sup> juga mempunyaï beberapa ranchangan perumahan yang akan menambahkan lagi pembinaan perumahan. Dalam semua ranchangan<sup>2</sup> ini, pembiayaan dari Kerajaan memainkan peranan yang penting sunggoh

pun rumah<sup>2</sup> ini akan di-milek oleh orang<sup>2</sup> persendirian. Pelaboran dalam pembinaan perumahan di-jangka akan berjumlah \$810 juta dalam Ranchangan Malaysia Kedua.

JADUAL 6-3

MATLAMAT PELABORAN SWASTA, MALAYSIA BARAT,  
1971-75  
(\$ juta)

		<i>Jumlah pelaboran swasta</i> (1)	<i>Perubahan setok</i> (2)	<i>Pelaboran tetap</i> (3)	<i>Tanaman kekal</i> (4)	<i>Pembinaan dan kelengkapan</i> (5)
1970	..	..	985	90	895	146
1975	..	..	1,473	70	1,403	258
<i>1971-75</i>						
Jumlah terkumpul	..	6,175	292	5,883	1,069	4,814
Kadar perkembangan purata tahunan (%) ..		8.4	—	9.4	12.1	8.9

255. *Pembinaan selain dari perumahan dan pelaboran dalam jentera<sup>2</sup> dan alat<sup>2</sup> bertambah dengan chepat dalam Ranchangan Malaysia Pertama dan di-jangka akan berterusan dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua. Dasar<sup>2</sup> dan ranchangan<sup>2</sup> untuk menggalakkan pelaboran dalam perusahaan pembuatan dan kegiatan<sup>2</sup> perdagangan akan mempunyaï kesan yang mendalam kepada pelaboran jenis ini. Berasaskan butir<sup>2</sup> yang di-binchangkan dalam Bab X dan XI, pelaboran swasta dalam *perusahaan pembuatan* di-jangka berjumlah \$1,748 juta dan dalam bidang *perdagangan* berjumlah \$912 juta. Banyak dasar<sup>2</sup> baharu telah di-kuatkuaskan dalam tahun 1970 dan ini menyebabkan pelaboran dalam tahun ini menjadi lebih tinggi dari jumlah yang terdapat dalam tahun 1969. Saperti di-binchangkan dalam Bab IX, ranchangan<sup>2</sup> sektor *pertanian* akan meninggikan pelaboran bukan sahaja bagi tanaman<sup>2</sup> kekal tetapi juga alat<sup>2</sup> memproses getah, minyak dan isi kelapa sawit serta kilang<sup>2</sup> beras dan alat<sup>2</sup> pertanian. Pelaboran jenis ini dalam sektor pertanian di-jangka berjumlah \$203 juta.*

256. Sektor pembinaan perlu meluaskan keupayaan-nya untuk memenuhi keperluan<sup>2</sup> yang di-jangka ujud dalam pembinaan perumahan dan dalam lain<sup>2</sup> ranchangan pembangunan. Pelaboran dalam sektor ini di-jangka berjumlah lebih kurang \$223 juta. Dalam jangka pendek, sektor *perlombongan* tidak mempunyaï harapan yang cherah kerana bijeh timah di-kawasan<sup>2</sup> perlombongan lama makin merosot. Pelaboran baharu mungkin terdapat terutama sekali di-kawasan<sup>2</sup> Simpanan Melayu. Pada penghujung Ranchangan, pelaboran dalam sektor ini mungkin meningkat tinggi, hasil dari kegiatan<sup>2</sup> menchari bijeh timah dan

minyak petrol di-perayeran negara. Pada keselurohan-nya, jumlah pelaboran dalam berbagai<sup>2</sup> kegiatan perlombongan di-jangka berjumlah \$304 juta.

257. Akhir sekali, dalam ekonomi yang sedang berkembang, terdapat berbagai<sup>2</sup> peluang melabor dalam kegiatan<sup>2</sup> yang tidak termasuk jenis<sup>2</sup> pelaboran yang di-binchangkan di atas. Sementara projek<sup>2</sup> Ranchangan ini di-laksanakan dan ekonomi terus berkembang dengan berasaskan kemajuan yang terchapai dalam tahun 1970, pelaboran swasta lain (kebanyakannya dalam perkhidmatan) di-jangka akan bertambah dengan chepat. Keadaan pasaran saham sentiasa turun naik dan oleh itu ada-lah sukar hendak di-buat ramalan yang tepat. Dalam Jadual 6-3, perubahan setok di-anggap merupakan kira<sup>2</sup> 5% dari jumlah pelaboran tetap. Perubahan setok di-masukkan dalam butiran "Lain<sup>2</sup>" dan dengan ini jumlah pelaboran dalam butiran "Lain<sup>2</sup>" di-anggarkan berjumlah \$906 juta (*lihat* Jadual 6-4).

258. Rengkasan anggaran<sup>2</sup> pelaboran di-Malaysia Barat di-bentangkan dalam Jadual 6-4. Jadual 6-5 membandingkan jumlah pelaboran swasta dalam Ranchangan Malaysia Kedua dengan angka<sup>2</sup> yang di-chapai dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

#### JADUAL 6-4

#### MATLAMAT<sup>2</sup> PELABORAN SWASTA MENGIKUT SEKTOR MALAYSIA BARAT, 1971-75\*

(\\$ juta)

Perusahaan pembuatan	...	...	...	...	...	...	1,748
Pertanian	...	...	...	...	...	...	203
Perlombongan	...	...	...	...	...	...	304
Pembinaan	...	...	...	...	...	...	223
Perdagangan	...	...	...	...	...	...	912
Lain <sup>2</sup>	...	...	...	...	...	...	906
						JUMLAH	4,296

259. Matlamat<sup>2</sup> jumlah pelaboran swasta di-Malaysia Barat dalam Ranchangan Malaysia Kedua merupakan tambahan sa-banyak 51% dari jumlah yang di-chapai dalam tempoh Ranchangan Malaysia Pertama. Kadar tambahan purata tahunan bagi pelaboran tetap di-jangka sa-banyak 9.4%, berbanding dengan 5.2% dalam tahun<sup>2</sup> 1966-69 dan 7.8% dalam Ranchangan Malaysia Pertama. Tetapi, apabila perubahan setok di-masukkan ka-dalam kiraan ini, tambahan dalam pelaboran swasta dalam Ranchangan Malaysia Kedua menjadi 8.4% sa-tahun, ia-itu kurang dari jumlah yang di-chapai dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

\* Benaan selain dari perumahan termasuk jentera dan kelengkapan dan perubahan setok.

Namun begitu, pelaboran swasta di-jangka bertambah lebih cepat dalam Ranchangan ini jika di-bandingkan dengan kadar yang terdapat dalam tempoh lima tahun yang sudah.

JADUAL 6-5

PELABORAN SWASTA, MALAYSIA BARAT, 1966-75  
(\$ juta)

		1966-70	1971-75
Pelaboran dalam tanaman kekal .. .. ..		877	1,069
Pembinaan perumahan .. .. .. ..			810
Pembinaan selain dari perumahan champor dengan jentera dan kelengkapan dan perubahan setok .. ..	}	3,206	4,296
Jumlah ..		<u>4,083</u>	<u>6,175</u>

2. MATLAMAT<sup>2</sup> PELABORAN SWASTA DI-MALAYSIA

260. Oleh kerana kekurangan maklumat, pelaboran swasta *di-Malaysia Timor* tidak dapat di-kaji dengan teliti. Dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua pelaboran di-Malaysia Timor di-jangka bertambah lebih cepat dari kadar di-Malaysia Barat. Jumlah pelaboran swasta bagi seluroh negara di-jangka bertambah lebih kurang 8.8% sa-tahun. Butir<sup>2</sup> lanjut terdapat dalam Jadual 6-6. Tambahan tahunan pelaboran swasta di-anggarkan dua kali kadar yang di-chapai dalam tempoh empat tahun pertama dalam Ranchangan Malaysia Pertama.

261. Matlamat<sup>2</sup> yang tinggi ini memerlukan pembentukan dan perlaksanaan dasar<sup>2</sup> baharu dan juga chara<sup>2</sup> yang berkesan bagi membiayaï ranchangan.

JADUAL 6-6

MATLAMAT PELABORAN SWASTA, 1971-75  
(\$ juta)

		Malaysia Barat	Malaysia Timor	Malaysia
1970 .. .. .. .. ..		985	251	1,236
1975 .. .. .. .. ..		1,473	408	1,881
<i>1971-75:</i>				
Jumlah terkumpul .. .. .. ..		6,175	1,668	7,843
Kadar perkembangan purata tahunan (%)		8.4	10.2	8.8

IV.—MEMBIAYAI PELABORAN SWASTA

262. Pelaboran swasta akan di-biayaï oleh sektor<sup>2</sup> awam dan swasta. Pembiayaan sektor swasta akan di-perolehi dari berbagai puncha.

## 1. MEMBIAYAI SEKTOR AWAM

263. Butiran yang terbesar dalam usaha Kerajaan membiayaï pelaboran swasta ia-lah ranchangan<sup>2</sup> kemajuan tanah. Bagi ranchangan<sup>2</sup> LKTP dan lain<sup>2</sup> badan Kerajaan, perbelanjaan membeli alat<sup>2</sup> dan baja serta kerja<sup>2</sup> memberseh kawasan dan menanam dan sebagai-nya, di-adakan oleh badan<sup>2</sup> ini sendiri, dan peserta<sup>2</sup> ranchangan tanah pula mengadakan tenaga buroh yang perlu bagi mengusahakan kawasan<sup>2</sup> ini. Tanah<sup>2</sup> ranchangan<sup>2</sup> ini pada akhir-nya akan di-mileki oleh peserta<sup>2</sup> ranchangan itu sendiri. Kesemua pelaboran di-ladang<sup>2</sup> ada-lah di-buat dari modal mereka sendiri sementara wang Kerajaan di-gunakan untuk membantu pekebun<sup>2</sup> kecil. Peruntukan Kerajaan bagi pelaboran dalam tanaman jenis kekal dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua di-anggarkan berjumlah \$437 juta.

264. Kerajaan juga membiayaï kegiatan<sup>2</sup> membina rumah. Kumpulan wang pusingan bagi membiayaï pembinaan rumah<sup>2</sup> untuk kakitangan awam berjumlah lebih dari \$30 juta. Kerajaan juga membiayaï pembinaan rumah<sup>2</sup> dalam ranchangan<sup>2</sup> LKTP. Pembinaan rumah<sup>2</sup> LKTP untuk di-mileki oleh orang<sup>2</sup> perseorangan akan memakan belanja sekurang<sup>2</sup>-nya \$30 juta. Kebanyakan dari ranchangan<sup>2</sup> rumah awam ada-lah milik Kerajaan dan oleh itu tidak di-masukkan ka-dalam jumlah ini. Pada keselurohan-nya, Kerajaan akan membelanjakan lebih kurang \$60 juta bagi pembinaan rumah<sup>2</sup> untuk orang<sup>2</sup> perseorangan.

265. Pelaboran swasta dalam kegiatan<sup>2</sup> perdagangan dan perusahaan pembuatan akan di-biayaï oleh Kerajaan menerusi sumbangan-nya kepada PERNAS, MARA, SPKPM dan PKEN<sup>2</sup>. Kebanyakan dari projek<sup>2</sup> perbadanan ini dalam Ranchangan Malaysia Kedua merupakan usaha bersama dengan pihak<sup>2</sup> persendirian dan Kerajaan akan menambah sekurang<sup>2</sup>-nya \$230 juta lagi kapada harta perbadanan<sup>2</sup> ini.

266. Mengenai pelaboran perlombongan, Kerajaan menguntokkan wang yang banyak bagi melebihkan lagi kegiatan<sup>2</sup> melombong bijih timah di-kawasan<sup>2</sup> Simpanan Melayu dan juga di-kawasan perayeran negara. Perbelanjaan bagi usaha<sup>2</sup> ini di-jangka berjumlah \$15 juta.

267. Dari anggaran<sup>2</sup> ini sa-banyak \$742 juta akan di-belanjakan oleh Kerajaan dalam usaha-nya untuk mengadakan harta<sup>2</sup> yang akan di-mileki oleh gulongan<sup>2</sup> persendirian, ia-itu 9.5% dari jumlah pelaboran swasta. Jumlah ini tidak termasuk perbelanjaan untuk mengadakan projek<sup>2</sup> latehan sambil belajar yang di-bantu oleh Kerajaan dan juga perbelanjaan mengadakan infrastruktur baharu untuk membantu pelaboran swasta. Pelaboran saham oleh Amanah Saham MARA, ia-itu satu perbadanan bagi menyalorkan wang simpanan orang<sup>2</sup> Melayu ka-dalam kegiatan<sup>2</sup>

sektor moden, tidak termasok dalam jumlah ini. Akhir sekali, anggaran ini juga tidak termasok chukai yang tidak di-kutip dari ranchangan<sup>2</sup> Perintis dan lain<sup>2</sup> yang bertujuan menggalakkan pelaboran modal. Apabila semua perkara<sup>2</sup> ini di-kira, jelaslah bahawa Kerajaan, samaada sechara langsung atau tidak, memainkan peranan yang penting untuk menchapai matlamat<sup>2</sup> pelaboran swasta dalam Ranchangan ini.

## 2. PUNCHA<sup>2</sup> KEWANGAN YANG LAIN

268. Pelaboran asing telah memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Kajian<sup>2</sup> yang di-jalankan mengenai sharikat<sup>2</sup> berhad di-Malaysia Barat dalam tahun 1967 menunjukkan bahawa, dari jumlah pelaboran sa-banyak \$360 juta yang di-buat oleh sharikat<sup>2</sup> ini, lebih dari \$156 juta di-mileki oleh sharikat<sup>2</sup> asing yang di-tubohkan di-Malaysia atau oleh chawangan<sup>2</sup> sharikat asing. Dalam tahun 1969, lebih kurang 62% dari modal saham sharikat<sup>2</sup> berhad di-mileki oleh sharikat<sup>2</sup> asing. Anggaran kemasukan modal jangka panjang bagi sharikat<sup>2</sup> di-Malaysia ada-lah lebih kurang \$150 juta sa-tahun dalam tahun<sup>2</sup> 1966-70 dan ini termasok keuntongan yang di-labor sa-mula oleh sharikat<sup>2</sup> asing.

269. Dalam Ranchangan Malaysia Kedua, usaha<sup>2</sup> penting akan di-jalankan bagi menarek lebih banyak pelaboran asing. Pelaboran ini ia-lah bagi semua sektor ekonomi tetapi kebanyakan-nya akan tertumpu pada perusahaan pembuatan. Pelaboran sa-benar, permohonan dari sharikat<sup>2</sup> asing untuk mendapatkan taraf Perintis dan pertanyaan<sup>2</sup> mengenai projek<sup>2</sup> baharu yang bertambah dalam tahun 1970, menunjukkan bahawa usaha<sup>2</sup> baharu bagi menarek pelaboran asing sudah berkesan. Bagi lima tahun ini, matlamat jumlah berseh pelaboran swasta dari luar negeri ada-lah sa-banyak \$1,150 juta. Jumlah ini termasok wang<sup>2</sup> luar negeri yang di-pinjamkan kapada Kerajaan, mithal-nya, pinjaman dari Bank Dunia kepada SPKPM.

270. Keuntongan yang tidak di-bahagi<sup>2</sup>kan dan peruntukan susutnilai modal merupakan lebih separoh daripada pelaboran swasta dalam tahun<sup>2</sup> yang baharu lepas. Kedua<sup>2</sup> puncha ini mungkin dapat mengadakan lebih kurang \$4,000 juta. Dengan pelaboran berjumlah \$7,843 juta (*lihat Jadual 6-6*), lebih kurang \$1,951 juta perlu di-biayaï dari penjiman<sup>2</sup> bank dan saham baharu. Bank<sup>2</sup> di-Malaysia sekarang ini memberi pinjaman lebih banyak untuk kegunaan perusahaan, berbanding dengan jumlah yang kecil yang di-pinjamkan untuk perdagangan dan ini akan menjadi puncha yang penting bagi mendapatkan modal jangka panjang. Kegiatan<sup>2</sup> pasaran saham, Amanah Saham MARA, SPKPM, PERNAS dan sharikat<sup>2</sup> insuran yang kian berkembang akan membantu usaha<sup>2</sup> bagi membolehkan

tabongan<sup>2</sup> persendirian di-laborkan menerusi pembelian saham<sup>2</sup>. Disamping itu, pengeluar<sup>2</sup> kecil akan terus bergantong kepada tabongan mereka dan keluarga<sup>2</sup> masing<sup>2</sup> untuk membiayaï pelaboran.

271. Chara<sup>2</sup> membiayaï pelaboran swasta dalam tempoh Ranchangan Malaysia Kedua di-rengkaskan dalam Jadual 6-7.

JADUAL 6-7  
MEMBIAYAI PELABORAN SWASTA, 1971-75  
(\$ juta)

Pembentukan Kerajaan secara langsung	...	...	...	...	742
Pembentukan dari punca <sup>2</sup> luar negeri	...	...	...	...	1,150
Bayaran <sup>2</sup> peruntukan susutnilai modal dan keuntongan yang tidak dibahagi <sup>2</sup> kan	...	...	...	...	4,000
Saham dan pinjaman	...	...	...	...	1,951
				Jumlah	7,843

272. Saperti yang di-tegaskan dalam Bab IV, kadar tabongan ekonomi ada-lah menchukopi bagi menyediakan bahan<sup>2</sup> yang perlu untuk menchapai matlamat pelaboran. Usaha penting yang harus di-jalankan ia-lah memastikan bahawa permintaan bagi pelaboran akan terus bertambah, bekalan modal yang chukop bagi projek<sup>2</sup> yang menguntungkan dan akhir sekali, penchapaian sumbangan maksima kepada gunatenaga dan perkembangan ekonomi yang sa-imbang. Dasar<sup>2</sup> Kerajaan akan dibentok dengan chara yang sesuai supaya keperluan<sup>2</sup> ini dapat di-chapai.

#### V.—DASAR<sup>2</sup> PELABORAN SWASTA

273. Permintaan pelaboran ada-lah bergantong terutama sekali pada harapan<sup>2</sup> tentang perkembangan ekonomi negara, dasar<sup>2</sup> kewangan dan belanjawan, pembangunan infrastruktur, kos upahan dan bahan<sup>2</sup>, kecekapan sistem pentadbiran Kerajaan dan kemajuan ekonomi di-negara<sup>2</sup> besar yang berdagang dengan Malaysia. Oleh itu, perkara yang mustahak dalam usaha menchapai matlamat<sup>2</sup> pelaboran ia-lah mengekal-kan suasana ekonomi dan politik yang sesuai di-Malaysia. Perkembangan pelaboran dalam tahun 1970 menunjukkan bahawa semasa Ranchangan ini di-mulakan, keadaan dalam negeri ada-lah tenteram, sesuai untuk tambahan<sup>2</sup> pelaboran swasta. Kerajaan berazam akan meneruskan dan mengekalkan suasana yang tenteram ini.

274. Selain dari dasar<sup>2</sup> umum ini, ada beberapa dasar dan projek tertentu yang bertujuan mempengarohi kadar dan bentuk pelaboran swasta. Butir<sup>2</sup> lanjut tentang dasar<sup>2</sup> dan projek<sup>2</sup> ini di-binchangkan dalam

Bab<sup>2</sup> yang berkenaan. Hanya perkara<sup>2</sup> umum sahaja di-binchangkan di-sini:

- (i) Dari jumlah kira<sup>2</sup> 750,000 ekar tanah yang akan di-buka di-Malaysia Barat, 112,500 ekar akan di-majukan oleh sektor swasta. Lebih kurang 300,000 ekar akan di-buka di-Pahang, 153,000 ekar di-Johor, 91,000 ekar di-Trengganu dan sa-jumlah kecil lagi di-negeri<sup>2</sup> lain. Di-Malaysia Timor, lebih kurang 310,000 ekar tanah akan di-majukan. Ranchangan<sup>2</sup> kemajuan tanah sechara besar<sup>2</sup>an ini bukan sahaja akan menambahkan jumlah pekerjaan dan keluaran dalam sektor pertanian, tetapi akan juga memberi peluang<sup>2</sup> baharu untuk melabor dalam lapangan<sup>2</sup> selain dari pertanian di-kawasan<sup>2</sup> ini. Ranchangan<sup>2</sup> kemajuan tanah akan tertumpu di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar di-mana terdapat ramai orang<sup>2</sup> Melayu dan orang<sup>2</sup> yang berpendapatan kecil. Ini akan memberi sumbangan besar kepada usaha<sup>2</sup> mengurangkan kemiskinan dan jurang berbezaan ekonomi antara kaum.
- (ii) Dasar<sup>2</sup> Kerajaan yang bertujuan mempengarohi pelaboran swasta dalam lapangan perusahaan juga akan memainkan peranan penting. Dasar<sup>2</sup> ini mengandungi beberapa langkah untuk menggalakkan pelaboran dan ekspot. Langkah<sup>2</sup> ini di-laksanakan dengan chara yang akan memberi lebih banyak pekerjaan bagi tiap<sup>2</sup> ringgit yang di-laborkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua, berbanding dengan jumlah yang di-chapai dalam tahun<sup>2</sup> enam-pulohan. Dorongan selanjutnya akan di-adakan bagi menarek kegiatan<sup>2</sup> baharu dalam lapangan perusahaan ka-kawasan<sup>2</sup> selain dari bandar<sup>2</sup> besar. Perubahan dasar<sup>2</sup> bagi memajukan ekspot ada-lah bertujuan untuk menggalakkan pengeluar<sup>2</sup> di-Malaysia mendapat peluang<sup>2</sup> besar di-bidang ekspot dan juga membolehkan mereka bertanding dengan pengeluar<sup>2</sup> asing. Akhir sekali, perlindongan tarif akan juga di-gunakan untuk membolehkan perusahaan<sup>2</sup> baharu menjadi lebih setanding di-pasaran<sup>2</sup> dunia.
- (iii) Kerajaan juga akan melancharikan beberapa ranchangan latehan, termasok latehan sambil-kerja, bagi menambahkan peluang<sup>2</sup> pekerjaan dan memudahkan orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra<sup>2</sup> yang lain menyertaï kegiatan<sup>2</sup> sektor moden serta membolehkan mereka menjadi pekerja<sup>2</sup> yang mahir dan produktif.
- (iv) Langkah<sup>2</sup> baharu akan juga di-ambil bagi memudahkan pembentukan kumpulan pengusaha<sup>2</sup> Melayu di-lapangan perusahaan pembuatan dan perdagangan. Langkah<sup>2</sup> saperti ini akan melebarkan lagi penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra<sup>2</sup> yang lain dalam

kegiatan<sup>2</sup> ini dan akan membantu usaha menchapai keselurohan matlamat pelaboran swasta.

- (v) Beberapa kajian teknik telah di-jalankan di-beberapa buah negeri sementara di-kawasan<sup>2</sup> tertentu beberapa ranchangan<sup>2</sup> panduan yang lengkap sedang di-susun. Mithal-nya, kajian yang di-buat oleh Lembaga Kemajuan Perusahaan Persekutuan (LKPP) telah membayangkan bahawa projek<sup>2</sup> pelaboran yang di-anggarkan bernilai \$75 juta mungkin dapat di-jalankan di-Sabah dalam tempoh Ranchangan. Projek<sup>2</sup> ini termasok-lah perusahaan memproses kayu-kayan, pertanian, perlombongan dan ternakan. LKPP juga telah menyiapkan kajian yang serupa bagi Negeri<sup>2</sup> Kedah dan Perlis. Usaha<sup>2</sup> ini akan meluaskan pengetahuan tentang pelaboran dan juga akan mengadakan butir<sup>2</sup> lanjut berkenaan ekonomi negara. Perkhidmatan saperti ini amat berguna terutama sekali kepada perusahaan<sup>2</sup> kechil dan juga kepada pengusaha<sup>2</sup> baharu.
- (vi) Chara<sup>2</sup> baharu untuk membiayaï dan menggalakkan kegiatan<sup>2</sup> ekonomi yang baharu, terutama sekali bagi pengusaha<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra<sup>2</sup> yang lain, ada-lah sa-bahagian daripada dasar<sup>2</sup> yang akan di-laksanakan untuk menchapai matlamat<sup>2</sup> pelaboran. Ini termasok mengadakan perkhidmatan perunding bagi perusahaan kechil, menubohkan PERNAS, meluaskan lagi Amanah Saham MARA dan menggalakkan bank<sup>2</sup> perdagangan supaya lebih banyak meminjamkan modal<sup>2</sup> jangka panjang untuk di-gunakan dalam kegiatan<sup>2</sup> perusahaan. Langkah<sup>2</sup> yang perlu akan di-ambil bagi menubohkan sa-buah bank pembangunan.

275. Sektor swasta akan terus memainkan peranan penting dalam usaha menchapai tujuan<sup>2</sup> sosial dan ekonomi Ranchangan. Di-samping itu, Kerajaan akan menggiatkan lagi langkah<sup>2</sup> untuk mempengarohi kadar pelaboran swasta dan sejauh mana jenis<sup>2</sup> pelaboran, penempatan, hak-milek, gunatenaga dan faktor<sup>2</sup> lain dapat memberi sumbangan bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> ini. Matlamat<sup>2</sup> pelaboran swasta yang di-tetapkan dalam tempoh Ranchangan ada-lah tinggi dan merupakan satu chabaran. Untuk menchapai matlamat ini memerlukan keadaan tawaran bahan<sup>2</sup> pengeluaran yang berpatutan, keazaman Kerajaan bagi menjalankan dasar belanjawan dan kewangan yang sesuai, dan juga ranchangan besar untuk memajukan tanah serta dasar<sup>2</sup> dan projek<sup>2</sup> yang bertujuan mengadakan dorongan<sup>2</sup> yang perlu bagi menchapai matlamat<sup>2</sup> ini. Pada keselurohannya, faktor<sup>2</sup> ini akan menentukan bahawa pelaboran swasta akan memberi sumbangan sepenoh-nya bagi menchapai tujuan<sup>2</sup> ekonomi dan sosial Ranchangan Malaysia Kedua.